



UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
PERASMIAN HARI BELIA NEGARA
TAHUN 1980, DI STADIUM NEGARA,
KUALA LUMPUR, PADA HARI KHAMIS
15HB. MEI, 1980 - JAM 9.00 PAGI.

Bismillah-irrahman-irrahim.

Yang Berhormat, Menteri Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Datuk Abdul Samad Idris,

Yang Berhormat, Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri.

Tuan-tuan Yang Terutama Duta-Duta,

Yang Berusaha, Presiden Majlis Belia Malaysia,

Yang Berusaha, Pemimpin-Belia Kebangsaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Bismilla-hirrahma-nirrahim.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya mengucapkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan restu dan limpah kurniaNYA, dapat kita berhimpun beramai-ramai di sini, pada hari yang mulia ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Jawatankuasa Pengelola Majlis ini, khususnya kepada Datuk Abdul Samad Idris, kerana menjemput saya dan seterusnya memberi penghormatan kepada saya merasmikan Hari Belia Negara Tahun ini.

...2/-

2.

2. Saya difahamkan, iaitu pada saat dan ketika ini, semua Majlis Belia Negeri dan Daerah, juga sedang mengadakan Perhimpunan di negeri dan daerah mereka masing-masing. Ini membuktikan adanya semangat kerjasama dan perpaduan yang tulin di kalangan masyarakat belia. Ini adalah juga satu petanda yang baik dan sihat, yang menunjukkan bahawa masyarakat belia di negara ini, adalah satu golongan yang mampu dan sentiasa berusaha untuk bersatupadu, dari segi pemikiran, orientasi dan tindakan.

... 3/-

3.

3. Wujudnya suasana ini amatlah penting bagi negara kita yang sedang membangun. Masyarakat belia adalah golongan yang diamanahkan untuk mewarisi negara ini. Masyarakat belia harus ^{harapan} sedar dan insaf bahawa sebagai/bangsa dan negara, mereka perlu menjadi penggerak yang dinamis supaya Malaysia dapat terus kekal sebagai sebuah negara yang bersatupadu, kukuh dan makmur.

Tuan-tuan-dan Puan-puan sekalian.

4. Masyarakat belia memang tidak boleh mengasingkan diri dari perkembangan politik dan sosio-ekonomi negaranya, serta pergolakan dan

4.

hubungan politik antarabangsa. Mereka hendaklah memainkan peranan dalam kegiatan-kegiatan ini secara positif dan bertanggungjawab. Dalam hubungan inilah, sikap dan tingkah-laku kaum belia menjadi satu faktor yang penting, yang perlu diberi perhatian. Kaum belia hendaklah memahami matlamat dan aspirasi negara, yang berlatar belakangkan sejarah dan keadaan semasa.

5. Perlembagaan negara telah digubal berasaskan semangat persefahaman antara kaum yang tulin, yang ingin melahirkan satu bangsa yang bersatupadu dan berdaulat. Ini hendaklah menjadi kesedaran setiap belia ditanahair kita. ... 5/-

5.

Tanpa kesedaran ini, belia-belia kita akan hilang pegangan, dan ini akan menggugat pendirian mereka akibat tindak-tanduk petualang-petualang yang ingin mengambil kesempatan, untuk memecah-belahkan rakyat dan menghancurkan negara. Peristiwa tahun 1969, yang telah menguji keutohan dan keharmonian negara, membuktikan betapa pentingnya rakyat jelata menghayati kesedaran ini.

6. Pengalaman kita, dan kebimbangan terhadap faktor-faktor yang boleh mengancam keamanan dan kemakmoran negara, telah menyebabkan Kerajaan mengambil langkah-langkah penting, kearah


6.

mengukuhkan lagi asas-asas perpaduan negara dengan mewujudkan Rukunegara. Kaum belia hendaklah benar-benar memahami semangat dan perinsip-perinsip Rukunegara, supaya mereka dapat membentuk sikap yang lebih positif dan lebih bertanggungjawab. Mereka hendaklah bertindak dan bergerak sejajar dengan kehendak negara. Dengan sikap dan tingkahlaku seperti ini, mereka akan dapat memainkan peranan utama dalam semua lapangan dan kegiatan, yang boleh membawa faedah yang besar kepada bangsa dan negara.

... 7/

7.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

7. Memang tidak boleh dinafikan bahawa masa depan negara adalah bergantung kepada  sikap dan tingkah-laku belia-belia kita hari ini. Keupayaan negara mengekalkan kemajuannya dan kedudukannya sebagai negara Malaysia yang bersatupadu, kukuh dan makmur, bergantung kepada kemampuan, kejujuran dan kesungguhan belia-belia kita meneruskan usaha-usaha jangka panjang, yang telah kita susun dan yang sedang dilaksanakan sekarang. Penumpuan tenaga belia yang produktif, dapat membantu Kerajaan

8.

membangunkan negara ini. Mereka perlu menentu dan menjelaskan matalamat mereka, dan seterusnya membuat perancangan-perancangan tertentu untuk dilaksanakan.

8. Matalamat perjuangan belia negara, tidak akan mencapai kejayaan, sekiranya ~~tiap-tiap~~ persatuan dan pertubuhan belia di negara ini, bertindak dan bergerak secara bersendirian; sekiranya keahlian pertubuhan dan persatuan belia terus menjadi tumpuan kepada sesuatu kaum sahaja; atau jika ramai bilangan belia-belia masih belum lagi menyertai kegiatan pertubuhan dan persatuan belia. Saya difahamkan bahawa

...9/-

9.

dari jumlah tiga juta penduduk yang berusia diantara 15 hingga 35 tahun, hanya satu juta sahaja yang menjadi ahli pertubuhan dan persatuan belia. Usaha-usaha hendaklah dipergiatkan lagi, untuk menambahkan penyertaan yang lebih ramai lagi dalam pertubuhan dan persatuan. *belia.*

9. Saya sukacita mendapat tahu bahawa penyertaan belia-belia bukan Melayu dalam persatuan dan pertubuhan belia, telah meningkat, walaupun pada masa-masa yang lepas, kebanyakan persatuan dan pertubuhan ini, samada dibandar

10.

atau pun di kawasan-kawasan luarbandar, hanya diminati dan dianggotai umumnya oleh belia-belia Melayu sahaja. Perkembangan ini amatlah menggalakkan. Penyertaan yang meluas ini, hendaklah dijadikan alat bagi menyatupadukan rakyat berbilang kaum, dan bagi mewujudkan sumber tenaga menggerakkan pembangunan.

10. Kerajaan adalah committed kepada pembangunan. Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, Malaysia telah membuktikan bahawa ia mempunyai keupayaan yang besar. Keupayaan ini, belum kita

11.

gunakan dengan sepenuhnya; kita memang mempunyai berbagai sumber yang belum kita gunakan semuanya. Tenaga belia merupakan salah satu daripada sumber ini. Sumber tenaga ini, jika digembeling dan digerakkan secara membina, boleh menjadi pelaburan bagi menjamin kesetabilan, kemakmoran dan keamanan negara di masa depan.

11. Pada hemat saya, tenaga belia yang ada, perlu digerakkan dan dipergiatkan bagi tujuan-tujuan sosial dan ekonomi. Pada masa ini, pertubuhan

12.

pertubuhan dan persatuan-persatuan belia, masih belum dapat memperimbangkan kegiatan-kegiatan ekonomi dengan kegiatan-kegiatan sosial. Saya faham, bahawa belia-belia telah digalakkan menyertai bidang ekonomi melalui rancangan belia-niaga dan kegiatan Koperasi Belia Nasional atau KOBENA. Namun begitu, masih banyak lagi lapangan dan bidang ekonomi yang boleh diterokai oleh kaum belia kita. Kaum belia hendaklah sedar, bahawa mereka adalah rakan penting dalam pembangunan. Bagi menyertai lapangan ekonomi secara aktif

...13/-

13.

dan besar-besaran, ^{Kaum} tenaga belia perlulah diberi kesedaran dan digerakkan secara lebih positif.

Saya menggesa agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan belia, supaya bekerjasama dengan lebih erat lagi, bagi menjadikan hasrat ini sebagai kenyataan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

12. Saya telah menyentuh mengenai peranan belia dalam pembangunan. Disini sukalah saya mengingatkan bahawa di dalam proses pembangunan dan kemajuan teknologi moden, belia-belia sentiasa terdedah kepada berbagai cabaran dan dugaan.

...14/-

14.

Setengah-setengah cabaran dan dugaan ini, datangnya dari masyarakat sendiri. Tetapi ancaman yang besar, yang perlu diawasi oleh belia-belia, ialah pengaruh dari luar. Pengaruh-pengaruh yang tidak sihat ini, mungkin lahir bersama-sama dengan kemajuan yang diperolehi, atau wujud dari masalah penyesuaian masyarakat dengan perubahan. Kesemuanya ini, mestilah diberi perhatian yang serious.

13. Kejadian jenayah yang semakin bertambah, dan masalah keruntuhan akhlak di kalangan belia-belia, merupakan bahaya yang amat membimbangkan.

...15/-

15.

Penyalah-gunaan dadah yang masih menjadi masalah besar, telah menambahkan lagi kebimbangan ini. Penyalah-gunaan dadah, bukan sahaja mengakibatkan bahaya kepada keselamatan, tetapi yang lebih buruk lagi, ialah ^{penipuan.} ~~kecacatan kepada emosi dan pertimbangan.~~ Oleh itu, pengaruh penyalah-gunaan dadah, merupakan musuh utama negara, yang mesti dibenteraskan dari akar-umbinya. Saya menggesa seluruh masyarakat, terutamanya belia-belia, supaya memerangi ancaman ini secara habis-habisan.

14. Kerajaan telah pun menjalankan berbagai usaha untuk menyekat penyalah-gunaan dadah dari berleluasa.

Hukuman-hukuman yang berat, dikenakan kepada pengedar-pengedar dadah yang didapati sabit terlibat. Rancangan-rancangan pemulihan, juga dilaksanakan bagi penagih-penagih. Pada hemat saya, usaha-usaha ini tidak akan menghasilkan kesan yang berkekalan, melainkan individu-individu sendiri, samada mereka terlibat atau tidak, menunaikan peranan dan tugas mereka masing-masing, dalam mengelakkan ^{buruk} diri daripada dipengaruhi oleh gejala/ ini. Penyalahgunaan dadah, bukan sahaja boleh memusnahkan diri seseorang, tetapi yang lebih merbahaya *ialah* ~~bahawa~~ ia boleh menjejaskan keupayaan dan semangat kita, dalam pembangunan sosio-ekonomi kita.

15. Keruntuhan akhlak muda-mudi kita juga, sepertimana masalah sosial yang lain, yang biasanya mencabar belia, mempunyai kaitan yang erat dengan penyalah-gunaan dadah. Tetapi yang agak terpenting sekali, diantara faktor-faktor yang menimbulkan masalah-masalah sosial, malah politik dan ekonomi juga, ialah kekurangan dan keketekan pelajaran agama di kalangan masyarakat kita. Di hari yang mulia ini, saya menyeru kaum belia untuk mengisi diri mereka dengan pelajaran agama yang tulen dan mendalam. Kerana dengan asas agamalah, kita akan menjadi

18.

manusia yang sempurna dari segi iman, pemikiran dan tindakan.

16. Dengan asas agamalah, kita akan menghormati sesama sendiri sebagai manusia, dan dapat menjalankan segala tugas sebagai amanat Ilahi. Ini adalah penting, terutama kepada belia. Kerana pembangunan memerlukan, dan membawa belia dan beliawanis bersama di dalam usaha-usaha dan kegiatan, ^m Mereka yang berlainan jenis ini hendaklah menjaga kehormatan diri sendiri dan kehormatan orang lain. ~~Di dalam Islam, perlu saya tegaskan wanita perlu dihormati sebagai manusia~~

~~yang mempunyai peranan yang penting dan bukannya sebagai sex object sebagaimana yang terikut-ikut oleh setengah-setengah belia kita kerana pengaruh luar.~~

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

17. Thema "Belia Bertindak untuk Kebenaran

dan Keadilan" yang telah dijadikan ^{thema} ~~cogankata~~ perayaan

belia selama tujuh tahun, amatlah sesuai dengan

semangat dan hasrat yang dikehendaki oleh negara

terhadap belia-belia kita dalam zaman pembangunan.

Semangat inilah juga, yang telah diamalkan oleh Nabi

Besar kita hingga beliau digelar MUHAMMAD AL AMIN

(Yang Benar) dalam perjuangannya mewujudkan

satu umat manusia yang maju dan bersatupadu.

Oleh itu, saya menggesa para belia kita, supaya menanam dan mengamalkan semangat ini. Berasaskan perinsip ini, usaha mereka bukan sahaja akan dapat mengeratkan persefahaman dan perpaduan di kalangan masyarakat kita yang berbilang bangsa, bahkan juga dapat memainkan peranan yang lebih luas dalam menjalin persefahaman di kalangan masyarakat antarabangsa. Peranan ini, adalah penting memandangkan kepada pergolakan yang boleh menghancurkan tamaddun dunia abad ke 20.

18. Akhirnya sempena dengan perayaan ini, saya menyeru kaum belia di seluruh negara, supaya membaharui tekad dan azam, bagi menghadapi cabaran-



21.

cabaran yang lebih besar dalam tahun-tahun lapan
puluh.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

19. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya,
mengisytiharkan Perasmian Hari Belia Negara Tahun
1980.

Terima kasih.





capaian yang lebih besar dalam tahun
pilihan.
Tuan tuan dan puan puan sekalian,
Isi kandungan ini saya dengan amat sukacitanya
mendistributikan Perasmian Hari Bells Negara Tahun

1980

Terima kasih



No Siri	480
No. Penerimaan	93/81